



Rio2016 → OLIMPIK



Zaidatul Husniah Zulkifli

Zaidatul mara pusingan pertama 100m

Rio de Janeiro: Ratu pecut negara, Zaidatul Husniah Zulkifli menyalahkan cuaca sejuk menyebabkannya dia 'kaku' untuk berlari lebih pantas pada sarjangan ketiga pusingan kelayakan 100 meter di Stadium Olimpik, di sini, semalam.

Bagaimanapun keputusan itu tetap membolehkan dia meneruskan kemaraan ke pusingan pertama selepas muncul sebagai atlet keempat terpantas.

Atlet berusia 23 tahun yang layak beraksi di sini atas tiket wild card dan bermula di lorong kesembilan hanya mencatat masa 12.12 saat (s) untuk menamatkan larian di tempat ketiga daripada lapan pelari.

Catatan itu jelas jauh tersasar daripada rekod kebangsaan 11.50s milik G Shanti yang dilakukan bekas ratu pecut itu pada 1993.

Ia juga sekali gus gagal menghampiri catatan peribadi terbaiknya iaitu 11.62s yang dilakukan sewaktu Sukan Universiti ASEAN 2014 di Palembang, Indonesia.

"Selepas empat hari berlatih dalam cuaca panas di sini, saya tidak menyangka cuaca hari ini hujan. Jadi, cuaca sejuk menjejaskan rentak larian saya," kata atlet kelahiran Pulau Pinang itu yang akan menyambut hari jadi ke-23, pada 20 Ogos ini.

Pemenang pertama saingan ini menjadi milik Charlotte Wingfield dari Malta yang mencatat masa 11.86s manakala kedua, Cecilia Bouellé (11.98s) dari Congo. Keduanya turut layak.

Selain Zaidatul, Malaysia juga diwakili atlet lompat tinggi, Nauraj Singh Randhawa yang layak secara merit ke Rio selepas menyamai had kelayakan 2.29m sewaktu Terbuka Singapura, April lalu dan akan beraksi esok.